

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, October 2, 2019 9:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 1PP1D UUM Kongsi Kepakaran Demi Manfaat Masyarakat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 OKTOBER 2019 / 3 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

1PP1D UUM KONGSI KEPAKARAN DEMI MANFAAT MASYARAKAT



UUM ONLINE: Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir telah merasmikan Program 1 Pusat Pengajian 1 Daerah (1PP1D) dan Penyampaian Biasiswa UUM Kepada Pelajar Cemerlang di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Dato'Seri Mukhriz berkata, idea yang dicetuskan UUM ini sangat menepati kehendak pasaran kerana sebagai universiti yang dikelilingi masyarakat yang agak daif, universiti terpanggil untuk berkongsi kepakaran yang dimiliki demi manfaat masyarakat.

"Saya bagi pihak kerajaan negeri Kedah mengucapkan setinggi penghargaan kepada UUM di atas inisiatif ini. Kerajaan negeri Kedah juga berhasrat membangunkan negeri Kedah menjelang 2035 dan dalam tempoh itu, kita berharap dapat melonjakkan kedudukan Kedah supaya setanding dengan negeri lain.

"Ini satu cabaran besar yang perlu usaha gigih untuk melonjakkan negeri Kedah ke tahap yang diharapkan dengan strategi yang tersusun," katanya.

Beliau berkata, UUM banyak membantu kerajaan negeri Kedah untuk memahami keadaan sebenar dalam konteks persekitaran negeri dalam negara dan negeri dalam arena global.

Menurutnya, beliau tertanya-tanya dalam keadaan negara terpaksa berhadapan dengan perkembangan teknologi, Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0), *blockchain* dan *Artificial Intelligence* (AI), bagaimana masa depan graduan terutamanya kesan teknologi terhadap peluang pekerjaan, justeru beliau mahu pelajar bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

“Jadi pastikan graduan yang dikeluarkan ini menepati pasaran pada waktu itu dan terlibat dalam sektor inovasi yang akan membangunkan masyarakat,” katanya.

1PP1D merupakan cetusan idea Naib Canselor, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani yang mana program tersebut akan membantu setiap daerah dalam databank yang lengkap menggunakan *blockchain* untuk membangunkan masyarakat di negeri Kedah.

Antara daerah terlibat membabitkan Kota Setar, Kulim , Kubang Pasu, Baling, Sik, Yan, Bandar Baharu, Padang Terap, Pokok Sena, Pendang, Langkawi dan Kuala Muda.

Sementara itu, Naib Canselor berkata, pelbagai bidang kepakaran yang ada di UUM boleh disumbangkan di setiap daerah mengikut kesesuaian lokasi komuniti berkenaan.

“Di sinilah terletaknya keistimewaan 1PP1D yang dikendalikan secara terancang dengan melibatkan semua pusat pengajian di UUM.

“Setiap dekan akan mengemukakan perancangan aktiviti dan projek jangka panjang untuk daerah yang dipertanggungjawabkan kepada pusat pengajian,” katanya.

Beliau berkata, projek tersebut akan dipantau secara berkala dan laporan aktiviti serta keberkesanannya akan dilaporkan kepada universiti dan Kerajaan Negeri.

Menurutnya, langkah kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan pusat pengajian telah dilaksanakan melalui percambahan fikiran, misalnya IPDM yang telah menganjurkan wacana untuk memberikan input kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan secara berkala.

“Pusat pengajian dan pensyarah juga turut memberikan sumbangan mereka secara individu kepada organisasi yang berkaitan dengan kepakaran mereka.

“Saya merasakan melalui Program 1PP1D ini akan menjadikan ‘*community engagement*’ antara UUM dengan Kerajaan Negeri dibuat secara yang lebih tersusun dan efisien,” tambahnya.

Beliau turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Besar atas sokongan padu yang diberikan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Pada majlis sama, UUM berbesar hati memberikan anugerah biasiswa kepada pelajar cemerlang yang memperoleh keputusan CGPA 4.0 dalam peperiksaan STPM untuk melanjutkan pengajian di UUM dan berharap pelajar berkenaan akan memperoleh kecemerlangan semasa melanjutkan pengajian di UUM.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.